

51 mahasiswa cemerlang UPM
terima Anugerah Naib Canselor

SERAMAI 51 pelajar tahun akhir Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima Anugerah Naib Canselor sesi 2002/2003 yang disampaikan Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Baradaie.

Anugerah Naib Canselor yang diperkenalkan sejak sesi 1998/1999 diberikan kepada pelajar tahun akhir bagi menghargai pencapaian cemerlang mereka dalam bidang akademik dan kurikulum.

Dr Mohd Zohadie berkata, pelajar dinilai dalam pelbagai aspek kecemerlangan seperti ketekunan, kewibawaan, prestasi, kepimpinan, kemasyarakatan, penghayatan budaya ilmu, pemupukan minda, aktif dalam sukan dan rekreasi, kebudayaan serta mahir dalam teknologi maklumat.

"Pelajar perlu mengekalkan pencapaian program pengajian di UPM dengan Purata Nilaian Mata Timbunan 3.0 dan tidak pernah dikenakan tindakan tata tertib.

Untuk anugerah tahun ini, 138 memohon dan 51 daripadanya layak menerima anugerah ini. Dua jawatan kuasa ditubuhkan untuk menilai pencapaian calon dari sudut akademik dan kurikulum," katanya ketika berucap pada majlis penganugerahan berkenaan, baru-baru ini.

Beliau berkata, anugerah itu diharap dapat menjadi pendorong dan motivasi kepada seluruh mahasiswa kampus untuk menyiapkan diri ke arah penghayatan ilmu yang boleh digarap di universiti.

Satu keunikan anugerah ini ialah mahasiswa sendiri yang mengemukakan permohonan menerusi borang yang disediakan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) di samping menerima pencalonan dari dekan dan pengetua masing-masing.



DR MOHD ZOHADIE (tiga dari kanan) meraikan kejayaan penerima Anugerah Naib Canselor sesi 2002/2003.

Sementara itu, pelajar terbaik Aliran Sains, pelajar Bacelor Sains Perhutanan, Mohd Yusainy Md Yusop 23, berkata kejayaan yang dicapai adalah hasil sokongan padu pengetua dan dekan Fakulti Perhutanan, di samping doa restu ibu bapa.


"Selain tumpuan kepada pelajaran, saya juga terbabit dalam aktiviti luar kuliah seperti menganjurkan program dan seminar dengan kerjasama rakan universiti tempatan mahupun luar negara.

"Walaupun aktif, ia bukan penghalang kepada kejayaan bidang akademik tetapi sebenarnya banyak memberi pengalaman cukup berharga yang juga

membantu untuk mempertingkatkan kemajuan diri," katanya yang sudah mengumpul lebih 40 sijil penyertaan dan penghargaan dalam pelbagai program yang dianjurkan.

Anak kedua dari empat beradik itu berpendapat anugerah berkenaan adalah pencapaian tertinggi yang pernah diperoleh setakat ini, selain dapat menggalakkan kecemerlangan dalam akademik.

Pelajar terbaik Aliran Sastera, pelajar Bacelor Komunikasi (Kemanusiaan), Noraini Ismail 24, berkata mencebur aktiviti kemasyarakatan, banyak mendahkannya mengenai keperluan pembangunan.



Mohd Yusainy Md Yusop



Noraini Ismail